

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah pelajar dalam bidang perubatan yang ditempatkan di luar negara dan nyatakan negara-negara tersebut serta apakah perbezaan keberkesanan bidang perubatan di luar negara dan dalam negara.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang menerima biasiswa tajaan JPA bagi bidang perubatan di luar negara adalah seramai 3,625. Mereka melanjutkan pengajian di Jordan, Mesir, United Kingdom, Australia, India, Indonesia, Ireland, New Zealand, Republic Czech dan Rusia.

Bagi memastikan graduan yang tamat pengajian adalah kompeten dan berkualiti, mereka dikehendaki melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang tersenarai dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971. Institusi yang tersenarai ini telah dinilai dan diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia, Agensi Kelayakan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Justeru itu, secara umum graduan yang telah menamatkan pengajian dari institusi ini berkualiti dan berkemampuan untuk melaksanakan tugas.

Sekian. Terima kasih.